

PANDUAN PENGGUNA SAFEENTRY (SE) GATEWAY

PANDUAN MEMULAKAN SE GATEWAY

Nota: Bahagian ini hanya perlu dilakukan SEKALI SAHAJA setelah menerima SE GATEWAY

Langkah 1



Hidupkan soket dinding di mana kabel SE Gateway dipasang. Harap maklum bahawa tiada suis hidup-mati bagi SE Gateway.

Langkah 2



Setelah palam utama dihidupkan, SE Gateway akan disambungkan ke rangkaian Internet, ditandakan dengan kelipan lampu LED MERAH di hadapan. Ini akan mengambil masa beberapa minit.

Langkah 3



Setelah rangkaian Internet disambungkan, SE Gateway akan memasuki mod permulaan, ditandakan dengan kelipan lampu LED MERAH dan HIJAU secara berselang-seli. Dalam mod ini, anda perlu melengkapkan langkah 4.

Langkah 4



Buka e-mel pengesahan penghantaran yang dikirim ke e-mel berdaftar dan klik butang pengaktifan untuk membuka laman web pengaktifan. Di laman web tersebut, imbas kod QR di belakang SE Gateway dan tekan "Ok" apabila disuruh bagi mengesahkan pengaktifan. Setelah pengesahan, lampu LED MERAH dan HIJAU akan terus berkelip secara berselang-seli sehingga 5 minit.

Nota: Jangan imbas kod QR pada kotak SE Gateway

Langkah 5



Setelah proses pengaktifan selesai, lampu LED HIJAU akan berkelip dan bunyi bip akan dikeluarkan sekali, menandakan sistem sedia untuk beroperasi.

Langkah 6

Rujuk kepada Langkah 5 "Persediaan Gateway / Panduan Operasi" (muka surat seterusnya) bagi penggunaan SE Gateway.

PANDUAN PENGGUNA SAFEENTRY (SE) GATEWAY

PERSEDIAAN GATEWAY/ PANDUAN OPERASI

Langkah 1



Letakkan SE Gateway di lokasi yang diinginkan (boleh dipasang / diletak di meja kaunter Daftar Masuk / dipasang pada tripod mengguna pemegang). SE Gateway harus ditempatkan di dalam julat penglihatan penguat kuasa supaya mudah bagi penguat kuasa melihat lampu-lampu LED pada SE Gateway.

Langkah 2



Sambungkan kabel kuasa ke SE Gateway.

Langkah 3



Pasangkan kabel kuasa ke soket dinding.

Langkah 4



SE Gateway akan mengambil masa beberapa minit untuk dihidupkan. Apabila ia sedia untuk beroperasi, ia akan menunjukkan kelipan lampu LED HIJAU dan mengeluarkan bunyi bip.

Langkah 5



SE Gateway akan mengeluarkan lampu HIJAU berkelip dengan bunyi bip apabila terdapat Daftar Masuk yang berjaya.



SE Gateway TIDAK AKAN mengeluarkan lampu HIJAU berkelip sekiranya ia tidak mengenali token, atau jika Aplikasi TraceTogether tidak dapat dikesan.

PANDUAN PENGGUNA SAFEENTRY (SE) GATEWAY

AMARAN

- Jangan sambungkan kuasa AC dari kuasa utama ke produk ini.
- Semua unit SE Gateway memerlukan kuasa DC yang dijana melalui penyesuai kuasa.
- Hanya gunakan penyesuai kuasa DC yang disediakan bersama-sama unit.
- Gunakan kabel USB yang disediakan.
- Gunakan bank kuasa hanya jika anda tidak mempunyai akses kepada sebarang soket kuasa.
- Rujuk kepada Panduan Pengguna apabila memasang unit.
- Jangan buka unit. Tidak ada bahagian yang boleh dibaiki oleh pengguna di dalamnya.
- Jangan dedahkan SE Gateway kepada suhu tinggi atau cahaya matahari secara langsung. Tempatkan SE Gateway di bawah teduh sekiranya diletakkan di luar
- SE Gateway adalah harta milik Pemerintah, jangan dibuang.
- Sekiranya anda memerlukan bantuan teknikal, sila rujuk kepada Soalan Kerap Ditanya (FAQ) di <https://go.gov.sg/gateway-overview> atau kemukakan soalan anda di <https://go.gov.sg/gateway-support>.